

DIMENSI KOOOP

ISSN - 1823 - 1586 / BIL.67(1/2021) / RM8.50



DIGITALISASI DAN ONLINE:

PENDAPATAN ALTERNATIF SEMASA PKP



MS ISO 9001:2015 REG. No. QMS 01443



771823 000003



ISSN 1823-1586
RM 8.50
Bil.67(1/2021)
www.ikkm.edu.my

Dari Meja Ketua Editor



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pandemik COVID-19 masih lagi menghantui kita semua walaupun angka semasa menunjukkan penurunan kes berbanding pada tahun lepas. Walaupun vaksin telah diterima secara berperingkat, namun tidak semua rakyat kita mendaftar untuk memperolehnya. Ekonomi negara perlu digerakkan secepat mungkin bagi mengurangkan impak perniagaan pasca COVID-19. Aktiviti perniagaan perlu digandakan untuk membantu perniagaan pulih daripada keadaan ini dan koperasi juga tidak terlepas daripada pemulihan akibat impak daripada COVID-19 ini.

Dalam mendepani keadaan perniagaan ini, koperasi perlu merangka pelan pemulihan jitu agar aktiviti perniagaan semasa dapat dipulihkan, dikembangkan dan diberi nafas baharu supaya aktiviti ini menjana pendapatan kepada koperasi. Pelbagai program dan inisiatif telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi membantu merencanakan dan melonjakkan perniagaan. Inisiatif ini juga turut dinikmati oleh pihak koperasi yang disediakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Antaranya program Pelan Pemulihan Ekonomi Koperasi (PULIH) dan Program Jualan Harga Patut Koperasi yang dapat meringankan beban koperasi dan anggota yang terkesan daripada wabak COVID-19.

Justeru, keluaran Dimensi Koop bil.67 ini memberi tumpuan kepada pemulihan koperasi dan anggota daripada kemelut ekonomi organisasi dan individu melalui pelbagai platform perniagaan *online* yang telah sedia ada. Turut dipaparkan juga elemen digital penting dalam membantu merencanakan perniagaan yang dijalankan termasuk oleh koperasi dan usahawan khususnya usahawan wanita.

Dalam mendepani keadaan perniagaan ini, koperasi perlu merangka pelan pemulihan jitu agar aktiviti perniagaan semasa dapat dipulihkan, dikembangkan dan diberi nafas baharu supaya aktiviti ini menjana pendapatan kepada koperasi.

Golongan B40 juga diberi tumpuan dalam meningkatkan sosioekonomi melalui pendekatan koperasi yang menumpukan kepada kesejahteraan anggota dan koperasi. Tidak kurang penting, dalam membantu Anggota Lembaga melaksanakan operasi sesuatu koperasi, artikel kepentingan pengurus dalam pengurusan koperasi mengupas keperluan pengurus dalam pengurusan koperasi yang menyokong kepada pentadbiran sesuatu koperasi.

Beberapa artikel lain turut diselitkan dalam pembacaan artikel Dimensi Koop kali ini khusus untuk gerakan koperasi di Malaysia antaranya ialah Kepentingan Mengekal Kepuasan dan Mencipta Kesetiaan, 8 langkah Pengurusan Acara yang Berjaya, Perlindungan Data Peribadi dan Mendekati Koperasi dari Petani untuk Petani.

Akhir kata, saya amat berharap agar penerbitan Dimensi Koop ini dapat memberi sumbangan dan perkongsian ilmu terhadap perkembangan informasi Gerakan koperasi di Malaysia kepada para pembaca. Sekian, terima kasih.

Mohd Zaib Mat Yunus

SIDANG REDAKSI DIMENSI KOOP



PENAUNG/PENASIHAT

1. YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor
Ketua Pengarah

KETUA EDITOR

2. En. Mohd Zaib Mat Yunus

TIMBALAN KETUA EDITOR

3. Pn. Azmaliza Arifin

SIDANG EDITOR

4. En. Faiz Ahmad Yatim
5. Pn. Salwana Ali
6. Pn. Noor Shafeeza Zainuddin
7. Pn. Norhayati Abd. Rahman
8. Pn. Nor Aslamiah Ali



- 9. En. Mohd Faisal Shariff
- 10. En. Asha'ari Arshad
- 11. Pn. Ayu Diana Awang
- 12. Pn. Nor Arma Abu Talib
- 13. Pn. Nor Alyani Abd Razak
- 14. En. Hasrin Abu Hassan

PEGAWAI PENERBITAN

- 15. Cik Zaharatul Laili Zakaria